

22/05/1997

Pembangunan mesti mesra alam

Salina Abdullah; Ebi Azly Abdullah

IA bermula dengan tragedi pangsapuri Highland Towers runtuh pada 11 Disember 1993, diikuti kejadian tanah runtuh di jalan susur masuk ke Genting Highlands berhampiran Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak tahun lalu dan akhirnya bencana banjir lumpur di perkampungan Orang Asli Pos Dipang, Perak, 29 Ogos lalu. Semuanya berpunca daripada masalah yang serupa - pembukaan tanah yang tidak terkawal sehingga menyebabkan bencana.

Walaupun tidak semua kejadian itu berpunca daripada sikap tamak mengejar pembangunan sehingga mengabaikan keseimbangan alam sekitar, peristiwa malang itu seharusnya dijadikan iktibar dan peringatan untuk lebih berhati-hati pada masa depan.

Kemungkinan ia diakibatkan oleh faktor semula jadi seperti iklim harus ditolak kerana ia memang di luar bidang kuasa manusia untuk menentukan. Apa yang dikhuatiri ialah keghairahan manusia mengejar pembangunan sehingga sanggup menjejaskan keseimbangan alam sekitar yang amat perlu bagi menjamin kebajikan semua.

Baru-baru ini Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membangkitkan lagi isu pembangunan tidak mesra alam ini. Penebangan pokok, pemotongan dan perataan bukit-bukau diibaratkan terlalu bermaharajalela seolah-olah semua bencana yang meragut beratus nyawa sebelum ini hanya satu mimpi buruk, dilupakan begitu saja apabila terjaga dari lena.

Keprihatinan Dr Mahathir ternyata mengatasi kuasa yang dimandatkan kepada pihak berwajib, termasuk pihak berkuasa tempatan. Kesungguhannya menilai betapa penting memulihara alam sekitar membongkar 'penyelewengan' sebuah pemaju sebuah projek perumahan bernilai RM700 juta di Lembah Klang, yang menjalankan pembangunan tanpa mematuhi peraturan alam sekitar.

Lantaran peristiwa itu timbul persoalan adakah pihak berkuasa tidak menyedari perkara itu berlaku atau sengaja menutup mata?

Mungkinkah wujud kelemahan dalam sistem penguatkuasaan undang-undang berhubung pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar sehinggakan perlu menunggu Perdana Menteri sendiri bertindak?

Lebih memusykilkan apabila projek itu tidak jauh daripada tapak pangsapuri Highland Towers yang runtuh hampir empat tahun lalu sekaligus memberitahu kejadian meragut 48 nyawa itu sudah luput daripada ingatan.

Mengikut peraturan, adalah menjadi kesalahan melaksanakan projek pembinaan di kawasan bercerun lebih 20 darjah; tidak melaksanakan kerja pemuliharaan dan penstabilan cerun bukit; gagal menghantar pelan kerja tanah kepada JAS sebelum memulakan pembinaan; dan gagal menyelenggarakan kolam perangkap mendapan dengan sempurna.

Mengikut Akta Kualiti Alam Sekitar (Kegiatan Tertentu - EIA) 1974, pesalah boleh dikenakan denda maksimum RM100,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Lanjutan daripada itu, isu pembangunan yang membabitkan penebangan pokok dan perataan bukit sekali lagi menggamatkan Kabinet sehingga menetapkan semua pelan pembinaan yang sudah diluluskan tetapi membabitkan banyak kerja meratakan bukit dan penebangan pokok akan dikaji semula bagi memastikan ia tidak menjejaskan alam sekitar.

Kabinet dalam mesyuaratnya baru-baru ini turut mengarahkan pihak berkuasa tempatan supaya tidak meluluskan mana-mana pelan susun atur projek perumahan atau bandar baru yang membabitkan pemotongan pokok dan bukit-bukau atau menghadapi tindakan tata tertib seperti diturunkan pangkat, dilewatkan kenaikan pangkat atau ditukar ke jawatan lain jika

gagal berbuat demikian.

Jika diteliti, keputusan Kabinet itu sebenarnya menekankan kepentingan memelihara topografi semula jadi kawasan.

Adakah langkah ini perlu? Pemeliharaan topografi asal amat penting kerana rupa bentuk muka bumi asal sememangnya berada dalam keadaan seimbang.

Sebarang perubahan kepada bentuk semula jadi ini boleh menyebabkan berlaku ketidakseimbangan interaksi antara ciri fizikal kawasan dan apabila ini berlaku, bencana alam tidak dapat dielakkan.

Sebagai contoh, pemotongan bukit menyebabkan pemotongan pokok dan tidak dapat tidak, akan berlaku pemindahan tanah (top soil) yang selama ini memberi kestabilan kepada muka bumi.

Selain itu, tanah yang ditarah ini mencemari sungai malah mencetakkan sungai sehingga melimpah keluar bila hujan lebat manakala muka bumi yang sudah tidak stabil kerana kehilangan top soil, dihakis air hujan tanpa dilindungi tumbuhan. Apabila ini berlarutan maka berlakulah kejadian tanah runtuh.

Fenomena inilah yang sering disimpulkan sebagai 'pemotongan bukit membawa kepada bencana alam'.

Namun, pembangunan harus dijalankan tetapi satu jalan penyelesaian perlu dicari supaya kegiatan pembangunan ini boleh diteruskan dan pada masa yang sama mengutamakan pemeliharaan alam persekitaran fizikal.

Tokoh pelindung alam sekitar, Gurmit Singh berpendapat walau apa pun undang-undang yang diperkenalkan, ia tidak akan memberi sebarang erti jika semua pihak terbabit tidak komited menguatkusakannya.

Menurutnya, ada beberapa contoh pencemaran alam sekitar kerana projek pembangunan yang berlaku kerana sikap pihak berkuasa tempatan yang tidak prihatin dengan undang-undang berkenaan.

"Kita boleh terus mencipta undang-undang tetapi yang menentukan keberkesanannya ialah kita sendiri. Jadi apa gunanya perundangan jika sikap yang lama masih diamalkan?" katanya.

Gurmit yang juga anggota Majlis Kualiti Alam Sekitar (EQC), menganggap masalah utama ialah di peringkat pembuat dasar dan pelaksana, yang mengambil remeh isu alam sekitar secara keseluruhannya walaupun pelbagai usaha dibuat untuk meningkatkan kepentingan sektor itu, sejak beberapa tahun lalu.

Beliau mencadangkan penubuhan pasukan petugas khas di peringkat Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bagi memeriksa semua projek pembangunan terbabit di seluruh negara secara terperinci, khususnya selepas laporan EIA projek terbabit diluluskan.

"Kewujudan pasukan khas itu akan membantu memastikan pemaaju pembangunan mematuhi syarat EIA kerana ada di antara mereka yang sengaja ingkar selepas kelulusan diberi.

"Ini sudah lama berlaku dan kini masanya sudah tiba bagi kerajaan mengambil langkah yang lebih tegas," katanya.

Pengarah Eksekutif Tabung Alam Sedunia (WWF) Malaysia, Mikaaail Kavanagh Abdullah turut menyokong pendapat Gurmit.

Beliau berkata kini wujud beberapa undang-undang berhubung pembangunan lereng bukit tetapi ia sering tidak dipatuhi.

"Keputusan Kabinet untuk bertindak terhadap kakitangan kerajaan yang gagal mematuhi syarat berkenaan sudah tentunya akan memastikan birokrasi dikurangkan, sekaligus meningkatkan pematuhan," katanya.

Selain penguatkuasaan, Kavanagh berkata, proses perancangan juga dianggap penting bagi memastikan pembangunan lereng bukit tidak menjejaskan alam sekitar.

Ada pemaaju yang menganggap usaha untuk melindungi alam sekitar sukar dilakukan sebaliknya meningkatkan kos pembangunan keseluruhan projek

terbabit. Sebarang pemuliharaan juga dianggap merugikan kerana pembukaan tanah, walau sedikit pun, tetap menyebabkan pencemaran.

Mungkin mereka boleh mengambil iktibar daripada pemaju sebuah projek perumahan mewah di Sungai Buloh, yang mengamalkan konsep alam sekitar maksimum dalam perancangannya.

Konsep berkenaan, yang membabitkan penggunaan tanah secara berpadu, menjadikan ia antara yang terindah di negara ini, walaupun hanya dijangka siap menjelang 2000.

Pemaju projek berkenaan turut maju setapak ke hadapan apabila berjaya mengekalkan sepokok ara berusia 100 tahun, yang hampir mati akhir tahun lalu. Kini pokok yang digelar Pohon Cahaya itu berdiri megah di tengah padang golf projek terbabit sebagai tanda harapan kepada masa depan pembangunan mapan di negara ini.

(END)